

09 MAY 1999

Ibrahim-rakaman

IBRAHIM ALI AKUI SERAH PITA UCAPAN FAUZI KEPADA PRESIDEN PARTI

KLANG, 9 Mei (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Ibrahim Ali hari ini mengakui beliau menghantar pita rakaman, yang mengandungi ucapan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman kepada Presiden Parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada mesyuarat MT baru-baru ini.

Menurutnya beliau mengambil inisiatif menghantar pita rakaman itu selepas menerimanya daripada anggota jawatankuasa Umno Bahagian Tumpat, Azmi Ali atas kedudukan beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Petugas Menangani Fitnah dan Panel Peguam MT Umno.

Ibrahim berkata kedudukannya itu juga membolehkan beliau menerima sebarang aduan yang membabitkan ucapan oleh sesiapa juga yang dipercayai mengandungi unsur-unsur, yang bertentangan dengan dasar Umno.

"Saya tidak boleh komen lebih lanjut berhubung perkara itu, kita sudah serahkan kepada presiden parti, biar dia sahaja yang tentukan," katanya dalam persidangan berita selepas menghadiri Majlis Ulangtahun Umno ke-53 anjuran Umno bahagian Kapar di Kelab Eksekutif Klang, di sini petang ini.

Fauzi yang berucap semasa merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Tumpat pada 30 April lepas dikatakan menyelitkan unsur-unsur yang menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di samping menyindir kepimpinan Umno.

Ibrahim berkata Fauzi mengambil langkah yang betul apabila sanggup menerima apa sahaja keputusan atau tindakan yang akan diambil oleh pucuk pimpinan parti berhubung ucapannya itu.

Katanya pemimpin parti pembangkang seharusnya mengambil sikap yang serupa ketika menyampaikan ceramah dan syarahan mereka dan sanggup bertanggungjawab terhadap apa yang mereka katakan.

Ibrahim berkata pihaknya mendapati sejak kebelakangan ini pembangkang semakin kurang menabur fitnah, berikutan ketegasan Umno bertindak balas menggunakan saluran undang-undang bagi mengatasi gejala tersebut.

"Tapi kita juga dapati kebanyakan mereka kini cenderung kepada menabur fitnah secara umum, tanpa menyatakan nama pemimpin yang dimaksudkan atau siapa sebenarnya yang mendedahkan sesuatu fakta itu kepada mereka," katanya.

Ibrahim berkata pihaknya akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang terbabit, hanya selepas mempunyai bukti serta asas yang kukuh untuk mendakwa mereka di mahkamah.

-- BERNAMA

AZH RI